

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' NORAINI AHMAD**
KAWASAN : **PARIT SULONG**
TARIKH : **31.3.2014 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **52**

Y.B. DATO' NORAINI AHMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan Kementerian dalam memastikan pertumbuhan pengeluaran kenderaan melebihi 1 juta unit menjelang tahun 2020 ini tidak bercanggah dengan pelaksanaan dasar Kerajaan yang sedia ada seperti peningkatan penggunaan kenderaan awam, pengurangan kadar pelepasan karbon dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 yang dilancarkan pada 20 Januari 2014 mensasarkan bahawa menjelang tahun 2020 pengeluaran kenderaan bermotor akan mencecah 1.35 juta unit di mana jualan tempatan kenderaan penumpang berjumlah 1 juta unit setahun. Ini adalah selaras dengan objektif utama NAP 2014 untuk membangunkan Malaysia sebagai hab serantau bagi kenderaan bertenaga efisien (EEV). Berdasarkan amalan antarabangsa, EEV ditakrifkan sebagai kenderaan yang memenuhi spesifikasi yang ditetapkan bagi penggunaan bahan bakar

secara lebih efisien dan mengurangkan pelepasan bahan asap. Langkah ini diambil selaras dengan komitmen Malaysia untuk mengurangkan kadar pelepasan karbon sebanyak 40 peratus menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, peningkatan dalam jualan kenderaan ini tidak bercanggah dengan komitmen tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di samping usaha-usaha untuk menggalakkan penggunaan kenderaan awam diteruskan, Kerajaan di bawah NAP 2014 turut memberi fokus kepada usaha-usaha untuk mengurangkan bilangan kenderaan yang tidak lagi selamat digunakan di atas jalan raya dan menyumbang kepada pencemaran alam sekitar. Selain itu, NAP 2014 juga menggariskan langkah-langkah untuk meningkatkan eksport kenderaan yang dikeluarkan di Malaysia supaya hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab serantau bagi kenderaan EEV dicapai.

Melalui langkah-langkah ini, Kerajaan dapat memastikan pembangunan berterusan industri automotif tempatan yang seimbang dengan inisiatif-inisiatif lain seperti penggunaan kenderaan awam dan pengurangan kadar pelepasan karbon.